Audit dalaman telus kunci bendung rasuah, ketirisan, kata PM

YESTERDAY
Anne Muhammad

Share

Anwar Ibrahim tegaskan pemantauan rapi perlu libat kerjasama kerajaan, agensi kawal selia dan swasta

Anwar Ibrahim berkata kerajaan beri ruang seluasnya kepada Jabatan Audit Negara untuk memantau agensi kerajaan. (Gambar Bernama)

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Anwar Ibrahim menegaskan keperluan audit dalaman yang telus dalam pentadbiran negara penting bagi menangani isu ketirisan, rasuah dan penyelewengan.

Anwar yang juga menteri kewangan berkata usaha membanteras salah laku itu memerlukan pemantauan rapi ke atas jentera kerajaan dengan kerjasama penuh daripada Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan syarikat swasta.

Menurutnya, Ketua Audit Negara Wan Suraya Wan Mohd Radzi telah maklum yang mereka diberi ruang untuk memantau agensi kerajaan dari dekat.

“Kita bicara tentang perlunya kita pacu pertubuhan, tetapi dalam mana-mana negara dengan kekuatan ekonomi tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah sekiranya dibiarkan, ketelanjuran dari segi ketirisan dan juga rasuah penyelewengan terus berlaku,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Gabungan Institut Juruaudit Dalaman Asia (ACIIA) 2025.

Mengulas lanjut, Anwar berkata cabaran terbesar dalam sejarah mana-mana negara adalah menangani gejala rasuah kerana pihak terlibat biasanya memiliki kekuatan kewangan dan pengaruh besar.

Beliau memberikan contoh kepada skandal 1MDB yang berlaku disebabkan urus tidak telus menyebabkan kesan hebat kepada negara.

“Seperti kita alami dalam banyak skandal kewangan sebelum ini termasuk 1MDB, ia tidak mungkin berlaku tanpa penglibatan juruaudit, juruaudit dalaman dan institusi kewangan antarabangsa.

“Kita mesti mengambilnya sebagai cabaran untuk menyelamatkan masyarakat serta negara daripada penyelewengan ini,” katanya.

Anwar berkata komitmen kerajaan dalam menangani masalah itu dapat dilihat dengan penubuhan Jawatankuasa Tindakan Ketidakteraturan Serius (JTKS) bagi menangani segera pelanggaran kritikal dalam pentadbiran, memastikan pihak bersalah dibawa ke muka pengadilan serta melindungi dana awam.

“Sejak 2024, berdasarkan hasil audit, kita berjaya memulihkan dan melindungi semula dana berjumlah RM159 juta,” katanya.

Stay current - Follow FMT on WhatsApp, Google news and Telegram

Subscribe to our newsletter and get news delivered to your mailbox.

Email address SUBSCRIBE

PRO QUNTUM AI

Guru Petaling Jaya Jadi Jutawan Dalam 5 Hari Sahaja

KETAHUI LANJUT →

MOST VIEWED LAST 2 DAYS

1 NATION
EPF looking to rebuild savings after RM145bil withdrawn, says Amir Hamzah
2 DAYS AGO

2 NATION
It's karma, DAP leader tells Muhyiddin on plots to topple him
YESTERDAY

3 NATION
Goh Hwan Hua, 4 companies he controls found liable for fraud
YESTERDAY

4 NATION
Security officers said Palestine-related symbols banned inside mall, claims Tian Chua
2 DAYS AGO

5 NATION
Wee cries foul after STPM top scorer misses out on UM course
2 DAYS AGO

SPECIAL FEATURES

exciting return to Genting Highlands

unces headliners Adam Beyer, Argy, Massano, Korolova and more.



REV Media Group's 'Explodi

The annual showcase will highlight successful past camp

GALLERY

ug 2025, 07:00 PM

butan Hari Kebangsaan ke-68



3

Human moment

ANWAR IBRAHIM | JABATAN AUDIT NEGARA | KETIRISAN | PERSIDANGAN GABUNGAN INSTITUT JURUAUDIT DALAMAN ASIA | RASUAH

RELATED NEWS

TEMPATAN 09:53

Malaysia kecam keras serangan udara Israel ke atas Doha

MALAYSIA 09:32

Anwar, Hadi condemn Israeli strikes on Doha



TEMPATAN 07:00

Masyarakat Cina resah, masa depan di Malaysia tak menentu, kata wartawan veteran



MALAYSIA 07:00

Chinese Malaysians uncertain of what future holds, claims veteran newsman

TEMPATAN 22:40

Putin 'serius timbang' berkunjung ke Malaysia, kata Anwar

MALAYSIA 22:13

Putin 'seriously considering' visit to Malaysia, says Anwar

You May Like

FROM THE WEB
Why Seniors Are Snapping Up This TV Box - We Explain!
(Smart TV)

FROM THE WEB
Man, 32, Marries Ex-Classmate's Mum, 53, First...
(8 Days)

FROM THE WEB
What's my car worth? Online Calculator for Car Resale
find out the value in a few clicks of cars and motorcycles
(Car Value)

FROM THE WEB
"I Just Eat And Study": Why Indian Students Are So...
(CNA Insight)

Tennis

Contact Us About Advertise Career Disclaimers Copyright Privacy Policy

Registration on or use of this site constitutes acceptance of our Terms of Service, Privacy Policy and Cookies Policy.
Copyright © 2009 - 2025 FMT Media Sdn Bhd (1235453-U) All Rights Reserved. A part of Media Prima Group.